

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Februari 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JANUARI 2025

JUMLAH PERDAGANGAN BAGI LIMA NEGERI MEREKODKAN PERKEMBANGAN POSITIF BERNILAI RM79.5 BILION PADA BULAN JANUARI 2025

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARI 2025 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM241.9 bilion pada Januari 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM122.8 bilion dan RM119.2 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JANUARI 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM122.8 bilion pada Januari 2025, meningkat sebanyak RM380.3 juta (+0.3%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di empat negeri iaitu Pulau Pinang (+RM8.3 bilion), Melaka (+RM1.4 bilion), Perak (+RM76.4 juta) dan Sabah (+RM11.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Johor sebanyak RM4.1 bilion, Sarawak (-RM1.5 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.0 bilion), Selangor (-RM844.6 juta), Pahang (-RM684.0 juta), Terengganu (-RM459.6 juta), Negeri Sembilan (-RM358.6 juta), Kedah (-RM225.4 juta), W.P. Labuan (-RM123.2 juta), Kelantan (-RM32.4 juta) dan Perlis (-RM10.9 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 34.9 peratus, diikuti oleh Johor (19.0%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.5%) dan Kedah (4.2%).


Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Januari 2025 meningkat RM6.9 bilion (+6.2%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM7.3 bilion), Johor (+RM2.5 bilion), Perak (+RM346.2 juta), W.P. Kuala Lumpur (+RM285.2 juta), W.P. Labuan (+RM139.0 juta), Kelantan (+RM92.9 juta) dan Perlis (+RM29.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Melaka sebanyak RM2.2 bilion, Pahang (-RM633.7 juta), Terengganu (-RM479.8 juta), Negeri Sembilan (-RM377.9 juta), Kedah (-RM157.8 juta), Sabah (-RM101.4 juta), Sarawak (-RM86.9 juta) dan Selangor (-RM73.8 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 24.8 peratus, diikuti oleh Johor (24.3%), Pulau Pinang (24.1%), W.P. Kuala Lumpur (8.5%) dan Kedah (5.2%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Januari 2024 – Januari 2025 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Januari 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 FEBRUARI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JANUARY 2025

TOTAL TRADE FOR FIVE STATES RECORDED A POSITIVE GROWTH WITH A VALUE OF RM79.5 BILLION IN JANUARY 2025

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARY 2025 – Malaysia's total trade for January 2025 amounted to RM241.9 billion with exports and imports recorded RM122.8 billion and RM119.2 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JANUARY 2025**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM122.8 billion in January 2025, increased RM380.3 million (+0.3%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in four states namely Pulau Pinang (+RM8.3 billion), Melaka (+RM1.4 billion), Perak (+RM76.4 million) and Sabah (+RM11.0 million). However, exports decreased in Johor by RM4.1 billion, Sarawak (-RM1.5 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.0 billion), Selangor (-RM844.6 million), Pahang (-RM684.0 million), Terengganu (-RM459.6 million), Negeri Sembilan (-RM358.6 million), Kedah (-RM225.4 million), W.P. Labuan (-RM123.2 million), Kelantan (-RM32.4 million) and Perlis (-RM10.9 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 34.9 per cent share, followed by Johor (19.0%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.5%) and Kedah (4.2%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in January 2025 increased RM6.9 billion (+6.2%) as compared to the same month in year 2024. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Pulau Pinang (+RM7.3 billion), Johor (+RM2.5 billion), Perak (+RM346.2 million), W.P. Kuala Lumpur (+RM285.2 million), W.P. Labuan (+RM139.0 million), Kelantan (+RM92.9 million) and Perlis (+RM29.0 million). However, imports decreased in Melaka by RM2.2 billion, Pahang (-RM633.7 million), Terengganu (-RM479.8 million), Negeri Sembilan (-RM377.9 million), Kedah (-RM157.8 million), Sabah (-RM101.4 million), Sarawak (-RM86.9 million) and Selangor (-RM73.8 million).

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 24.8 per cent, followed by Johor (24.3%), Pulau Pinang (24.1%), W.P. Kuala Lumpur (8.5%) and Kedah (5.2%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,
January 2024 – January 2025 (RM Billion)**





Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, January 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 FEBRUARY 2025**